

Berit@UTeM

www.utm.edu.my | Edisi Oktober - Disember 2015



Menteri Pendidikan Tinggi kunjungi UTeM

**SELAMAT HARI NATAL
& SELAMAT TAHUN BARU
2016**

UTeM raih Anugerah
kerjasama
Akademik-Industri



Menteri Pendidikan Tinggi kunjungi UTeM

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris bin Jusoh telah berkunjung ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sempena lawatan rasmi beliau melawati sebuah kilang di Batu Berendam baru-baru ini. Kunjungan utama beliau ke UTeM adalah untuk berbincang dengan lebih jelas dan terperinci berkenaan program Software for Brain (S4B).

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib berkata, S4B merupakan program transformasi minda yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi meningkatkan lagi kualiti dan kreadibiliti individu untuk mengharungi segala cabaran sengit yang mendatangi demi memenuhi misi dan aspirasi yang telah disematkan di dalam diri.

"Program S4B ini juga telah berjaya melahirkan seramai 22 orang pelatih S4B UTeM yang telah pun berjaya menamatkan Kursus Kejurulatihan Certified Neuro Linguistic (NLP) yang dijalankan selama seminggu di Pasir Salak Eco Resort, Kg Gajah, Teluk Intan Perak. Pelatih yang dibentuk ini akan membantu dalam menjayakan agenda transformasi di kalangan staf dan pelajar UTeM untuk ke arah yang lebih cemerlang dan gemilang dalam pencapaian hidup mereka," jelas beliau.

Lebih membanggakan UTeM telah diiktiraf sebagai sebuah institusi terawal yang mengamalkan konsep NLP di Malaysia dan juga UTeM turut mengetuai zon tengah bagi pelaksanaan program S4B.

Pada sesi kunjungan tersebut, Shahrin telah berkongsi kepada YB. Menteri dan pelatih yang hadir tentang hala tuju dan perancangan kumpulan S4B sehingga tahun 2020. Perancangan ini merangkumi aktiviti-aktiviti pementasan sendiri di kalangan pelajar dan staf UTeM serta masyarakat sekitar Melaka seperti golongan pengusaha industri kecil dan sederhana.

"Menerusi inisiatif ini, diharapkan seramai lebih daripada 50,000 pelajar, lebih daripada 65,000 staf UTeM serta lebih daripada 3,000 masyarakat akan mendapat pendedahan berkenaan S4B yang secara langsung dapat menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara," katanya. Beliau berkata di dalam sesi perjumpaan tersebut, YB Menteri juga turut berkongsi tentang hala tuju program program

Beliau berkata di dalam sesi perjumpaan tersebut, YB Menteri juga turut berkongsi tentang hala tuju program program S4B seperti mana yang telah dihasratkan oleh Kementerian dan mengambil masa untuk beramah mesra dengan lebih daripada 20 orang pelajar yang telah pun melalui program NLP yang dianjurkan diperingkat fakulti masing-masing.



SEDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor
Fazidah Ithnin

Wartawan
Zulfatria Abdullah

Tengku Nur Nadhirah Tengku
Md Saabri

Reka Letak Grafik
Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto
Jurufoto Rasmi Universiti

Pengedaran
Mohamad Haffize Ramli



Malam Puisi Utusan – UTeM memukau

Malam Puisi anjuran bersama Kumpulan Utusan dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang berlangsung baru-baru ini telah berjaya mencipta kejutan serta memukau perhatian ribuan mata yang menyaksikan persembahan mantap dan penuh emosi daripada barisan pendeklamasi terlibat.

Persembahan yang membuka tirai pada pukul 9 malam sejurus kehadiran Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob itu, disambut dengan tepukan serta sorakan padu hampir 3,000 penonton yang memenuhi segenap ruang Dewan Besar UTeM.

Sebelum gelanggang puisi dibuka, penonton terlebih dahulu disajikan dengan persembahan tarian penuh bertenaga oleh murid-murid Sekolah Kebangsaan (SK) Tangga Batu yang merupakan Johan Lantai Cilik 2014 sebelum diikuti nyanyian oleh Penasihat Undang-Undang UTeM, Azhar Mohamed yang menyampaikan lagu Ibnor Riza bertajuk Mimpi Yang Tak Sudah.

Sorakan gemuruh bergema apabila pendeklamasi pertama yang juga Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib mendeklamasikan puisi nukilan A. Aziz Deraman bertajuk Jampi Bangsaku. Persembahan mantap diiringi muzik seruling itu ditujukan khas kepada bapa saudaranya iaitu seriman terkenal negara pada sekitar tahun 70-an, Allahyarham Jymy Asmara. Antara bait puisi tersebut berbunyi: Hai bangsaku, aku tahu usulmu, jatuh di segala ceruk rantau alam ini, jatuh di utara jatuh di selatan, jatuh di timur jatuh di barat, janganlah pula duduk tunggu, jaga mengilas siku.

Pentas kemudian dihangatkan dengan penampilan istimewa Sasterawan Negara, Datuk Dr. Zurnah Hassan yang mendeklamasikan gurindam dan puisi bertajuk Rintihan Tamling Sari. Puisi yang diciptanya sendiri itu mengisahkan mengenai pertelingkahan antara Laksamana Hang Tuah dengan Pahlawan Majapahit, Tamling Sari yang disifatkan menjadi alat serta

hiburan bagi sultan di negeri masing-masing. Bait puisi yang mempunyai nilai pengajaran mendalam dalam puisi itu antaranya berbunyi: Kita yang bernama pahlawan adalah haiwan pelagaan, peluh bersimbah terjelir lidah akan terus berlawan, kerana nyawa kita adalah barang permalnan.

Pentas puisi itu diselang-selikan dengan nyanyian kumpulan Koprata, Fynn Jamal dan Rozita Che Wan.

Tidak ketinggalan mempamerkan bakat terpendam dalam seni puisi ialah Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas yang mendeklamasikan puisi bertajuk Berita Kepada Kawan daripada lirik penyanyi terkenal Indonesia, Ebiat G Ade.

Pendeklamasi seterusnya yang mengambil bahagian ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Muhamad dan isteri, Datin Halimah Baba masing-masing menyampaikan puisi bertajuk Kelopak Rasa nukilan Usman Awang dan Termangu Dalam Arus Waktu. Persembahan itu sememangnya sinonim dengan Othman dan isteri yang turut mengetuai Persatuan Penulis Melaka (Penama).

Majlis gilang gemilang itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Datuk Md. Yunus Husin; Pro Canselor UTeM, Datuk Ismail Saleh; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Abdul Aziz Ishak dan Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Othman Mohamad.

Selain barisan kenamaan yang mendeklamasikan puisi pada malam itu, Malam Puisi Utusan-UTeM 2015 turut dihadiri Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri, Datuk Md. Rawl Mahmud serta Timbalan Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Mohd. Jallani Mohd. Nor.

Antara pendeklamasi lain termasuk ahli Penama seperti Shahrul Mubarak



Ahmad, Norliza Mohd. Yamin, Fairuzan Ab. Majid, Afieza Arshad, Amir Aris serta beberapa pelajar UTeM dari pelbagai fakulti.

Caliph Buskers menutup tirai dengan mendendangkan tiga buah lagu termasuk Hanya NamaMu dan Roman Cinta.

UTeM rangkul Anugerah kerjasama Universiti-Industri

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mempamerkan kecemerlangan apabila kerjasama strategik antara universiti tersebut dengan Samsung Malaysia telah terpilih untuk menerima Best Academia – Industry Collaboration Award bersempena GradMalaysia Graduate Recruitment Awards 2015.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, kejayaan itu merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan kepada UTeM yang komited dalam mewujudkan perkongsian yang berkesan dan berterusan antara ahli akademik, industri dan masyarakat bagi melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak industri.

Menurut Mohd Ridzuan, kerjasama strategik dengan pihak Samsung Malaysia melalui penubuhan Akademi Samsung-UTeM Internet of Things (IoT) berpusat di Kampus Teknologi UTeM itu merupakan yang pertama di negara ini telah menyaksikan satu lagi cabang teknologi pendidikan ditawarkan oleh UTeM untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknologi seperti pembelajaran digital, teknologi maklumat, komunikasi berkesan dan penyelesaian masalah menggunakan teknologi Samsung.

Majlis yang dianjurkan oleh GTI Media dengan kerjasama Gradmalaysia, Careerbuilder Malaysia dan Malaysia Graduate Barometer 2015 itu turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail, Pengarah Bahagian Perhubungan Industri Jabatan Pendidikan Tinggi Profesor Madya Dr. Arham Abdullah, Pengarah dan Pengasas Kumpulan GTI Adrian Wood dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp Johan Mahmood Merican.



Eksplorasi Alam Sekitar mahasiswa UTeM

Aspek kepimpinan dan kemahiran diri merupakan antara ciri penting yang perlu ada dalam diri setiap pelajar yang merupakan aset kepada negara pada masa hadapan terutamanya menjelang tahun 2020.

Menyedari hakikat ini, mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai satu program Eksplorasi Alam Sekitar dan Pembangunan Kerja Berkumpulan yang telah diadakan di Bukit Broga pada 25 April 2015 lalu. Program anjuran Jawatankuasa Mahasiswa Luar (JKML) UTeM ini merupakan salah satu taqvim JKML bagi tahun 2015 yang disertai mahasiswa UTeM dari pelbagai fakulti.

Menurut Dr. Wan Hasrulnizam Wan Mahmood berkata, program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap jati diri, kerjasama, dan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, memupuk semangat kecintaan terhadap alam semula jadi dan membantu memberi kecergasan fizikal dan minda pelajar.

"Program seperti ini membantu mahasiswa memberi ruang untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi antara mahasiswa dengan ahli JKML mahupun dengan mahasiswa agama yang bertainan," katanya.

Jelasnya lagi, program ini sangat berkesan bagi semua mahasiswa UTeM kerana selain dapat menyihatkan tubuh badan, mereka juga mampu menajana daya ketahanan dan pemikiran kreatif dalam kalangan pelajar dan meningkatkan kualiti kepimpinan pelajar.

Menurutnya lagi, sememangnya program kecergasan seperti ini kerap diadakan untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cerdas dari segi minda, tetapi juga kecergasan badan. Program ini disertai seramai 22 orang mahasiswa UTeM dan juga seramai 16 ahli JKML.



MPP UTeM komited jaga agenda kebajikan pelajar

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diseru untuk terus komited dan berganding bahu bersama pihak universiti dalam melaksanakan agenda kebajikan pelajar.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, MPP yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, berfungsi sebagai agen perantara antara pihak universiti dan pelajar khususnya berkaitan dengan kebajikan dan keperluan pelajar.

Beliau berkata, MPP juga turut sama bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikannya pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

"Saya percaya bahawa saudara dan saudari yang telah dipilih menganggotai MPP ini juga sudah sedia maklum akan tanggungjawab dan peranan besar yang perlu dimainkan dalam membantu pihak universiti dalam mengurus tadbir universiti yang kita kasih ini" ujar beliau.

"Semangat musyawarah dan muzakarah harus dijadikan amalan baik MPP dalam meneruskan agenda kebajikan pelajar tanpa perlu menggunakan demonstrasi atau aktiviti memecahbelahkan pelajar yang akhirnya hanya akan merugikan diri sendiri" ujar beliau lagi pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP UTeM Sesi 2015/2016 di Kampus Induk Durian Tunggal.

Beliau berkata, pengurusan UTeM sentiasa membuka ruang bagi MPP untuk menyampaikan pandangan melalui saluran yang betul dan berhemah dan akan terus memberi kerjasama dan sokongan

padu terhadap sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh MPP.

Dalam perkembangan berkaitan pemilihan MPP yang berlangsung pada 22 Oktober lalu, Shahrin berkata sebanyak 11 pusat pembuangan undi telah dibuka melibatkan semua fakulti, makmal dan pusat persatuan pelajar yang menyaksikan sebanyak 29 kerusi telah dipertandingkan dengan 21 kerusi fakulti dan lapan kerusi umum.

Pemilihan tersebut menyaksikan Ahmad Nawawi Mohd Amin pelajar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah terpilih sebagai Yang Dipertua MPP UTeM Sesi 2015/2016.

Turut hadir dalam majlis penyerahan watikah tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan

Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Penolong-Penolong Naib Canselor serta pegawai kanan universiti.



UTeM raih penarafan emas tiga bintang



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mempamerkan kecemerlangan apabila berjaya meraih penarafan emas tiga bintang untuk muncul naib Johan kategori pengurusan dalam Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah diadakan baru-baru ini.

Dalam konvensyen tersebut, UTeM diwakili oleh Kumpulan techITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) merupakan satu-satunya universiti awam yang layak menyertai pertandingan akhir yang diadakan di Institut Pendidikan Guru, Kuala Lumpur.

Pengarah PPKK UTeM Mohd Isa Mohd Dom berkata, kejayaan itu memberi makna tersendiri kepada pihaknya dan membuktikan

kemampuan mereka untuk bersaing dengan 14 kumpulan dari pelbagai institusi pendidikan seperti Institut perguruan, kolej, politeknik dan sekolah.

Bellau yang juga merupakan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UTeM berkata, dalam pertandingan itu kumpulan techITez telah mempersembahkan projek Inovasi bagi Sistem "Konvensyen Ini telah berjaya memberi pendedahan kepada peserta dari UTeM mengenai aspek produktiviti dan kualiti dalam menghasilkan penyelesaian yang kreatif dan inovatif" ujar beliau lagi.

Kemenangan itu diharapkan dapat menggalakkan budaya kreativiti dan inovasi dikalangan warga UTeM untuk diaplikasikan dalam proses kerja seharian serta meningkatkan produktiviti dalam melahirkan bakat dan modal insan yang kreatif dan inovatif.

"Semoga pengiktirafan dan penganugerahan ini mendorong warga UTeM untuk melaksanakan tugas dengan lebih berinovasi dan kreatif dalam menyumbang kepada pembangunan universiti" ujar beliau.

Dengan kemenangan itu, kumpulan techITez membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00, plak serta sijil penarafan dan penyertaan.

UTeM wujud pusat sehati bantu rakyat

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sedang merancang untuk mewujudkan program pendekatan bersama masyarakat secara berterusan iaitu dengan mengadakan satu Pusat Transformasi Bandar di peringkat universiti (UCTC).

Menerusi pelaksanaan program ini, universiti teknikal itu yang sudah beroperasi selama 15 tahun di Melaka akan menubuhkan sebuah pusat sehati yang akan membantu penduduk Melaka mendapatkan khidmat dalam pelbagai bidang yang akan dikhususkan kelak.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, usaha mewujudkan program jaringan masyarakat itu sedang dalam peringkat perbincangan dan pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan ketua pegawai eksekutif beberapa Industri untuk turut serta dalam program itu.

"Selepas ini UTeM akan mengadakan pertemuan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tertentu sebagai contoh dalam bidang pendidikan, kesihatan dan sosial bagi membincangkan apa bentuk konsep pusat sehati yang dijangka akan bermula pada awal tahun depan.

"Program ini agak unik kerana belum pernah diadakan dalam kalangan universiti tempatan lain tetapi UTeM mengorak langkah berusaha mewujudkan UCTC ini bagi mendekati diri dengan masyarakat Melaka secara berterusan dan kita mahu penduduk Melaka merasai kewujudan dan peranan kita," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di pejabatnya di Kampus Induk UTeM di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Penolong Naib Chaselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dr. Mohd Ridzuan Nordin.

Mengulas lanjut, Shahrin berkata, selama ini UTeM sudah menjalinkan kerjasama dengan pihak Industri di Melaka namun pada masa yang sama mereka juga mahu berbakti kepada penduduk negeri ini dan menjadi penghubung antara pihak Industri dan masyarakat.

Sebagai contoh kata beliau, dalam bidang kesihatan, UTeM akan menjemput beberapa NGO yang terlibat dalam bidang kebajikan seperti persatuan autism atau disleksia untuk berkhidmat dan memberi bantuan kepada penduduk yang mempunyai anak atau pesakit berkenaan.

Katanya, proses mewujudkan program jalinan masyarakat ini juga akan melibatkan kerajaan negeri kerana ia secara tidak langsung dapat membantu rakyat Melaka mendekati diri pelbagai program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Selain itu, beliau memberitahu, pelajar UTeM akan dipilih bagi menjalankan perkhidmatan kepada masyarakat kerana ia secara tidak langsung dapat memahirkan mereka dalam bidang kebajikan, komunikasi dan kepimpinan.

UTeM HARAMKAN VAPE dalam kampus

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyokong langkah mengharamkan penggunaan vape atau rokok elektronik di semua kampus universiti awam di negara ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, cadangan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengharamkan penggunaan vape itu amatlah bertepatan dengan polisi universiti itu yang telah lama mewujudkan kawasan kampus bebas asap rokok.

"UTeM telah melaksanakan peraturan larangan merokok di semua kampusnya dan merupakan antara premis bebas asap rokok di negeri ini yang telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan" ujar beliau ketika ditemui pada Majlis Perhimpunan 1UTeM di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Beliau berkata, pengharaman yang dicadangkan oleh pihak kementerian itu merupakan satu langkah yang wajar dan universiti melihatnya sebagai satu kaedah terbaik untuk mengawal gejala negatif yang wujud melalui amalan vape itu.

"Dalam usaha melahirkan masyarakat yang sihat, cergas, sejahtera dan bebas daripada penyakit, UTeM sentiasa menggalakkan warganya terutama para pelajar untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat" ujar beliau lagi.

Jelas beliau, UTeM sentiasa aktif melaksanakan pelbagai program dan kempen kesedaran kesihatan bertujuan untuk memupuk kesedaran dikalangan warga UTeM mengenai amalan gaya hidup sihat seperti ceramah, pameran kesihatan, senaman sihat cergas, sukan serta pemeriksaan kesihatan.



MOHD RIDZUAN DILANTIK PENOLONG NAIB CANSELOR UTeM

Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin telah dilantik sebagai Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baharu berkuatkuasa 1 Oktober yang lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselori UTeM, pelantikan Mohd Ridzuan itu telah mendapat persetujuan Lembaga Pengarah UTeM untuk tempoh perkhidmatan selama dua tahun sehingga 30 September 2017.

Mohd Ridzuan 53, memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Heterogeneous Catalysis dari University of Tasmania, Australia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia serta Sarjana Muda Kimia juga dari University of Tasmania, Australia.

Sebelum dilantik, beliau telah berkhidmat di Universiti Malaysia Pahang dari tahun 2007 dengan memegang pelbagai jawatan termasuk Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik, Dekan Pusat Pengajian Siswazah serta Dekan Hal Ehwal Pelajar.

Beliau yang merupakan anak kelahiran Masjid Tanah Melaka memulakan kerjaya beliau selaku pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1989 sebelum berkhidmat di pelbagai institusi pengajian tinggi lain termasuk Universiti Multimedia dan Institut Teknologi Tun Abdul Razak.

Mohd Ridzuan juga telah berkhidmat di UTeM dari tahun 2003 hingga 2007 dengan menjawat jawatan sebagai

Pengarah Korporat dan Hubungan Antarabangsa serta pensyarah kanan.

Ketika ini beliau turut menyumbang kepakaran dan pengalaman dengan menjadi ahli senat Universiti Malaysia Pahang, ahli lembaga pengarah Kolej Yayasan Melaka, ahli lembaga pengarah Yayasan Alor Gajah, ahli lembaga pengarah Maktab Koperasi Malaysia dan ahli Institut Kimia Malaysia.

Pemilihan Mohd Ridzuan dibuat dengan mengambil kira pengalaman dan kepakaran beliau dalam membantu universiti tersebut untuk terus cemerlang dan berdaya saing dalam menghargai arus globalisasi pendidikan tinggi yang semakin kompetitif.

Pelantikan ini juga diharapkan dapat meneruskan rentak kecemerlangan UTeM terutamanya dalam meningkatkan kerjasama antara universiti dengan industri dan komuniti bagi menyumbang pembangunan ilmu demi manfaat masyarakat dan negara.



Canselor UTeM rasmikan pejabat baharu

Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob telah merasmikan pejabat Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang baharu bertempat di Bangunan Canselor Kampus Induk Durlan Tunggal di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, peranan dan sumbangan Tun Mohd Khalil sememangnya tidak dapat dinafikan terutamanya terhadap kemajuan dan pembangunan UTeM sejak dilantik menjadi Canselor UTeM pada tahun 2004.

Sehubungan itu, UTeM telah menyediakan sebuah pejabat khas untuk beliau itu di universiti berkenaan bagi memudahkan Tun Mohd Khalil

menjalankan tugas rasmi beliau selaku Canselor UTeM.

Dr. Shahrin berkata, beliau berharap dengan adanya pejabat itu akan membolehkan lebih banyak perkongsian dan pertukaran maklumat serta idea dapat dilaksanakan oleh Tun Mohd Khalil dalam membantu UTeM mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan bagi memastikan visi, misi dan objektif universiti itu tercapai.

"Beliau pernah menjadi Menteri Besar, Menteri dan berkhidmat di luar negara sebagai duta, maka sudah tentu banyak yang dapat dikongsi dengan pihak pengurusan dan pelajar universiti."



Katanya, UTeM mahu memanfaatkan sepenuhnya kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh Tun Mohd Khalil bagi tujuan pembangunan universiti itu.

Pelbagai program rasmi universiti melibatkan Tun Mohd Khalil telah dilaksanakan semenjak menjadi Canselor UTeM antaranya Wacana Canselor dan mengetuai lawatan rasmi universiti.

UTeM bantu pelajar minat STEM

Baru-baru ini Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kem STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) bagi meningkatkan penguasaan subjek tersebut dikalangan pelajar sekolah rendah dan menengah.

Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, Fazidah Ithnin berkata, program tersebut telah diadakan di Kampus Induk Durlan Tunggal melibatkan seramai 400 orang pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dari seluruh negara.

Menurut Fazidah, program tersebut bermatlamatkan untuk memupuk kesedaran terhadap kaedah pengajaran yang inovatif dan berkesan dalam pendidikan STEM dalam kalangan para pelajar sekolah.

Beliau berkata, program itu juga bertujuan untuk membimbing pelajar sekolah untuk lebih meminati pelajaran yang berasaskan STEM kerana kebanyakan mereka beranggapan mata pelajaran berkenaan sukar dan kurang menarik untuk dipelajari.

"Program itu juga menyaksikan pelbagai modul pengajaran dan pembelajaran telah diterapkan kepada para pelajar bagi membangkitkan kesedaran pelajar terhadap pendidikan STEM dan memupuk daya kreatif serta inovatif dalam kalangan mereka" ujar beliau.

Tambah Fazidah, penganjuran program ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua pelajar dalam melahirkan masyarakat yang progresif dan inovatif serta melonjakkan lagi pencapaian STEM dalam kalangan pelajar.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Razali Muhamad; Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) Mara, Abdul Halim Abas; Timbalan Presiden (Pembangunan Pelajar dan Daya Hidup Kampus) UniKL, Prof. Dr. Khairanum Subari; Pengarah Mara Melaka, Fazi Rizal Ismail dan Pengetua MRSM Terendak, Roslam Yusoff.



UTeMEX Pamer hasil penyelidikan

Hampir 200 orang penyelidik dari pelbagai Institusi pengajian tinggi di negara ini termasuk universiti awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti serta pelajar sekolah akan mempamerkan kehebatan dalam Ekspo Penyelidikan dan Inovasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeMEX) 2015 pada 27 hingga 28 Oktober nanti.

Ekspo dwitahunan yang bakal berlangsung di Kampus Induk UTeM itu adalah merupakan anjuran Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bertemakan 'Innovating Technology for Societal Well-Being'.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd Nor selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk UTeMEX

2015 berkata, penyertaan yang diterima pada kali ini amatlah memberangsangkan berbanding penyertaan pada tahun 2013 yang lalu.

"Walaupun tarikh penyertaan telah ditutup pada 12 Oktober yang lalu, namun kita masih lagi menerima borang permohonan ekoran sambutan hebat diberikan pada ekspo kali ini. Jadi kita mengharapkan mereka yang tidak dapat menyertai pada kali ini boleh mencuba pada masa hadapan" ujar beliau ketika ditemui di pejabatnya di Kampus Induk Durian Tunggal di sini.

Beliau berkata, pengurusan UTeMEX itu bertujuan menyemarakkan dan melestarikan budaya penyelidikan dan inovasi dikalangan masyarakat selain menjadi wadah untuk meningkatkan lagi kualiti dan daya saing para penyelidik dalam menghasilkan produk berasaskan penyelidikan yang

berinovatif, berimpak serta bernilai komersil.

Menurut Mohd. Jailani lagi, pihaknya mempelawa orang ramai yang berkesempatan terutamanya para pelajar yang berminat untuk melihat pelbagai hasil ciptaan dan inovasi untuk turut hadir pada ekspo tersebut yang akan di adakan di Dewan Besar Kampus Induk Durian Tunggal.

UTeMEX 2015 itu juga bertujuan untuk menggalakkan jalinan kerjasama antara universiti, industri dan komuniti sekaligus mempromosi negeri Melaka sebagai hab pendidikan dan penyelidikan.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta akan turut dihadiri oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka Datuk Wira Md Yunus Husin dan Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.



UTeM rangka perancangan jana pendapatan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan sentiasa memastikan pengurusan sumber dan penjana pendapatan universiti terjamin serta tidak bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan.

Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, pihaknya juga sudah memulakan inisiatif perbelanjaan berhemat sejak beberapa tahun lalu selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"UTeM sudah merangka beberapa perancangan khusus

bagi menjana pendapatan melalui inisiatif yang menjurus kepada kelestarian kewangan melalui sumber-sumber dalaman" ujar beliau.

"UTeM turut menubuhkan Jawatankuasa Penjana Pendapatan bertujuan mengenal pasti aktiviti penjana pendapatan khususnya melalui penyewaan ruang dan sumber, mempergiat aktiviti bagi tujuan wakaf serta meluaskan aktiviti perundingan melalui anak syarikat," katanya.

Shahrin berkata, UTeM akan meneruskan usaha perbelanjaan berhemat dan

mengoptimalkan penggunaan sumber dalam selaras dengan keadaan semasa tanpa perlu berkompromi faktor keselesaan serta kebajikan pelajar.

Dalam pada itu, katanya, berkata UTeM tidak akan menaikkan yuran pelajar berikutan pengurangan peruntukan kewangan untuk universiti awam seperti diumumkan dalam Bajet 2016 .

Pelajar tidak perlu risau dan seharusnya tidak terpedaya dengan khabar angin mengenai kemungkinan kenaikan yuran pengajian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Saya yakin dengan perancangan yang mampan ini, UTeM akan terus meningkat secara berterusan menuju 2016," katanya.



UTeM – TTU Jalin Kerjasama

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini telah menerima lawatan akademik daripada Thanlyin Technological University, Myanmar (TTU). Delegasi yang diketuai oleh Rektor Thanlyin Technological University, Dr Kay Thi Lwin bersama ketua jabatan teknologi maklumat dan ketua bahagian pentadbiran mengadakan lawatan kunjung hormat ke UTeM.

Menurut Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, objektif utama lawatan itu bertujuan untuk perbincangan kerjasama antara UTeM dan TTU di dalam bidang penyelidikan dan mobiliti pelajar.

"Lawatan ini telah dapat dijadikan sebagai medium pertukaran idea dan perkongsian pengalaman bagi meningkatkan tahap akademik kedua-dua universiti ini. Selain itu, lawatan ini juga secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat antara UTeM dan TTU," jelas beliau.

Menurutnya lagi, kedua-dua institusi tersebut bersetuju untuk memulakan kerjasama dengan pertukaran pelajar samada berkredit atau tanpa kredit terlebih dahulu.

"Sebagai sebuah universiti yang berkembang maju, UTeM memberi fokus kepada kerjasama strategik yang signifikan dan sentiasa mengalukan untuk berkolaborasi dengan mana-mana universiti untuk menjadikan UTeM sebagai universiti yang terunggul di peringkat antarabangsa," katanya ketika ditemui media selepas menerima kunjungan lawatan TTU di Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Di samping itu, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) akan menjadi perintis kepada kerjasama antara UTeM dan TTU berdasarkan kepada keperluan kepada kedua-dua buah universiti ini.



UTeM PERKUKUH KERJASAMA DENGAN DELEGASI KINGDOM OF CAMBODIA

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib telah menerima kunjungan hormat dari Kementerian Pendidikan, Belia Dan Sukan dari negara Kemboja yang diketuai oleh Dr. Nith Bunlay di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Lawatan ini turut dihadiri sembilan orang delegasi lain yang terdiri daripada Timbalan Rektor Universiti, dekan dan juga ketua jabatan dari lima universiti yang berlainan.

Dalam kunjungan tersebut, Prof Shahrin telah mengadakan perbincangan berkenaan program penguasaan ilmu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang turut menyaksikan pelbagai modul pengajaran dan pembelajaran yang akan diterapkan kepada para pelajar.

"Sebagai sebuah universiti teknikal yang sedang berkembang maju, UTeM memberi fokus kepada kerjasama strategik yang signifikan dan sentiasa mengalukan untuk berkolaborasi dengan mana-mana universiti luar," katanya.

Bellau berkata, perbincangan juga mejurus kepada perancangan kerjasama antara UTeM dan universiti-universiti di Kemboja di dalam bidang penyelidikan, pertukaran bahan pengajaran dan juga pengantjaran mesyuarat serta seminar secara bersama.

Menurutnya, antara perkara lain yang dibincangkan adalah program pertukaran pelajar dan staf selain perbincangan usaha yang perlu di lakukan oleh UTeM dalam meletakkan nama UTeM sebagai sebuah universiti yang terkemuka.

"Dalam perbincangan dua hala itu, UTeM dapat mempertingkatkan kerjasama yang sedia ada dan tidak tertumpu kepada program pertukaran pelajar sahaja, malah meningkatkan lagi penyelidikan bersama serta turut mempromosikan UTeM di Kemboja," jelas beliau.



UTeM, MMU METERAI PERJANJIAN KERJASAMA DUA HALA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Multimedia (MMU) telah menandatangani memorandum perjanjian bertujuan untuk membina hubungan dan kerjasama strategik dalam aktiviti pengajian siswazah dan penyelidikan.

Perjanjian bersejarah itu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk. Dr. Shahrin Sahib manakala MMU diwakili oleh Timbalan Presiden (Akademik) MMU Prof. Dr. Ahmad Rafi Mohamed Eshaq yang berlangsung di Kampus Induk UTeM semalam.

Menurut Shahrin, bidang kerjasama yang telah dikenalpasti kedua-dua pihak meliputi pelbagai aspek termasuk pertukaran pelajar, kerjasama penyelidikan, perkongsian maklumat akademik, bahan-bahan dan penerbitan, pertukaran kemudahan dan kepakaran serta penganjuran seminar, forum, bengkel, dan lain-lain mesyuarat saintifik mengenai perkara-perkara berkepentingan bersama.

"Sistem pendidikan di Universiti Teknikal adalah berbeza dengan universiti lain kerana pendekatan pembelajarannya lebih menekankan kepada aspek amali dan hands-on. Bagi mengukuhkan lagi pelaksanaan ini, adalah penting untuk UTeM mewujudkan kerjasama strategik bersama Universiti

lain, sebagai contohnya MMU supaya segala pengalaman dan amalan terbaik dapat dikongsi bersama" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, menerusi rangkalan strategik ini, kedua-dua pihak universiti berpeluang untuk meningkatkan lagi kualiti dalam sistem penyampaian sedia ada menerusi penemuan mahupun pendekatan baharu yang lebih kreatif, inovatif dan berkesan.

Disamping itu, menerusi kerjasama strategik ini dapat meningkatkan lagi kecemerlangan akademik dan penyelidikan di UTeM dan juga MMU ke tahap yang lebih membanggakan sekali gus menjulang nama universiti di persada dunia.

Turut hadir sama menyaksikan majlis tersebut adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor; Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM, Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin; Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) UTeM, Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang serta pegawai-pegawai kanan UTeM dan MMU.



Zulfatria Abdullah  Jurufoto Rasmi Universiti 

Malam Penghargaan UTeM bersama media

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Majlis Makan Malam bersama media sebagai menghargai usaha dan kerjasama pengamal media di negeri ini.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, majlis ini diadakan bertujuan mengeratkan lagi hubungan antara pihak media agar terus menjadi rakan yang lebih akrab kerana pengamal media banyak membantu menyalurkan maklumat kepada orang ramai berhubung perkhidmatannya.

"Sejak UTeM ditubuhkan, media telah memainkan peranan membantu dan membina imej universiti ini sehingga berjaya melakukan transformasi yang sangat baik," jelasnya.

Jelasnya, ini adalah sebahagian dari usaha UTeM untuk menunjukkan penghargaan yang tidak terhingga terutama kepada pengamal media yang sentiasa memberikan sokongan berterusan sepanjang tahun.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Makan Malam UTeM bersama media di Halia Inc Coffee Bar & Restaurant di sini Sabtu lalu.

Majlis turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan kumpulan Musim Buskers dari UTeM, cabutan bertuah, persembahan nyanyian oleh pengamal media dan banyak lagi.

Antara petugas media yang hadir di majlis berkenaan adalah Melaka Hari Ini (MHI), Utusan Malaysia, Berita Harian, Sinar Harian, The Star, Bernama, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan juga News Straits Times (NST).



UTeM rangkul Anugerah Buku Negara 2015

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) membuktikan kehebatan dalam bidang penulisan apabila berjaya merangkul dua anugerah bersempena Anugerah Buku Negara 2015 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) yang berlangsung Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Kejayaan tersebut diperolehi menerusi buku berjudul Melaka Wadah Tumpuan hasil penulisan warga kerja Penerbit UTeM yang terdiri daripada Ruziah Ali, Fatonah Salehuddin, Rahizah Abdul Rahman, Faradila Md Yusof, Mohd Hafizuddin Yusof dan Yang Chik Abdul Rahman.

Buku yang meraih Anugerah Buku Coffee Table Terbaik itu memaparkan penulisan berkaitan sejarah dan perkembangan negeri Melaka yang menjadi tumpuan dunia dalam aspek pembangunan, pelaburan dan pendidikan yang bertujuan untuk menyebarkan lagi kejayaan negeri Melaka dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Manakala buku berjudul Mari Belajar Mandarin yang ditulis oleh Guru Bahasa Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM Cheong Kar Mee, telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Buku Umum Terbaik (Bahasa Mandarin). Buku tersebut memperkenalkan sistem fonetik dan tulisan yang komprehensif, mudah untuk dipelajari dan disertakan dengan Audio Cakera Padat (CD) bagi membantu memudahkan pembelajaran pelajar dan masyarakat di semua peringkat.

Kejayaan yang membanggakan itu diharapkan akan menjadi galakan dan dorongan kepada semua warga universiti tersebut untuk terus menghasilkan karya-karya ilmiah yang bermutu dan mempunyai impak tinggi.

Majlis penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzhir Khalid sempena Majlis Perasmian Persidangan Buku Antarabangsa dan Ekspo Buku Malaysia 2015.



JASA DAN SUMBANGAN STAF TERUS DIHARGAI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sentiasa menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh warga kerjanya dalam membantu merealisasikan visi dan misi universiti.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, sebagai sebuah universiti teknikal awam berstatuskan autonomi, UTeM memerlukan sokongan, idea dan cadangan daripada semua pihak dalam menjayakan aspirasi universiti tersebut untuk menerajui bidang teknikal dan teknologi negara sekaligus memastikan graduannya menjadi pilihan utama industri diperingkat nasional dan juga global.

Menurut beliau, pelbagai insentif disediakan oleh pihak universiti bagi menghargai jasa dan sumbangan warga kerjanya yang telah menunjukkan prestasi kerja membanggakan sepanjang perkhidmatan seperti Anugerah Akademik Universiti, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan kenaikan pangkat.

"Sokongan dan sumbangan semua warga UTeM yang memberikan perkhidmatan terbaik telah menyaksikan universiti tersebut mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang" ujar beliau dalam majlis meraikan pesara-pesara UTeM di Kampus Induk Durian Tunggal.

Beliau turut menyeru semua pesara UTeM untuk meneruskan perhubungan dan jalinan yang sedia ada, terutama dalam berkongsi kepakaran, pengalaman dan idea bernas ke arah kemajuan universiti.

"Seluruh warga UTeM mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tuan-tuan kepada universiti ini sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan UTeM hari ini dan menjadi contoh kepada staf lain yang masih berkhidmat" ujar beliau lagi.

Dalam majlis tersebut seramai sepuluh orang staf UTeM yang telah bersara wajib dan pilihan telah diraikan sebagai tanda penghargaan atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi sepanjang perkhidmatan di universiti tersebut.

Antara yang diraikan ialah mantan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) Prof. Dr. Md Razali Ayob,, Prof. Madya Dr Othman Aman dan Nor Azan Abdul Ghani dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan (FPTT), Abdul Rahim Samsudin dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Prof. Madya Rosli Saadan, Dr. Mohamad Bokhari dan Ahmad Jawahir Tugimin dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI)

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasilitas) Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang dan Pendaftar Datuk Hassan Sirun.






utem_mo

UTeM Official Insta
www.utem.edu.my

208 posts 2.8



اوپور سیتی بیکنیکل ملیسیا ملاک



ments FOLLOW

Program Where Great Technical Careers Begin!

33 followers 0 following





Dr. Radzuan bin Nordin
Pengarah Pusat Islam

TAZKIRAH PUSAT ISLAM

MANUSIA BUKAN BEREVOLUSI DARI MONYET TETAPI BEREVOLUSI MENJADI MONYET

EVOLUSI MONYET KE MANUSIA

Melihat kepada tajuk diatas pasti ramai yang beranggapan seolah saya menyokong pandangan seorang naturalis berbangsa Inggris dan pencetus "Teori Evolusi" berdasarkan teori "Seleksi Alam" menerusi idea penulisannya yang bertajuk berjudul "On the Origin of Species by Means of Natural Selection, or The Preservation of Favoured Races in the Struggle for Life" atau biasanya disingkat menjadi "The Origin of Species" (Asal-usul Spesies) yang diterbitkan pada tahun 1859. Pastinya teori kontroversi ini adalah suatu yang sangat dangkal dan tidak boleh diterima akal yang waras. Bahkan beberapa ilmuwan barat juga menentang teori sesat ini apatah lagi kita beriman kepada Al – Quran dan Sunnah. Secara ilmiah Allah S.W.T telah pun menceritakan kepada kita lebih awal sebelum kemunculan teori sesat ini berkaitan kejadian manusia melalui surah As – sajdah:

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah. Kemudian Dia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang. Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: Roh ciptaanNya. Dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

(As – Sajdah : 7-9)

EVOLUSI MANUSIA KE MONYET

Namun dalam penulisan kali ini saya tidaklah berniat untuk membidas dengan lebih lanjut mengenai teori Mr. Darwin ini dengan sokongan hujah – hujah Akli (Akal fikiran) dan Naqli (Al – Quran & Sunnah). Namun saya lebih berminat untuk mengajak pembaca berfikir mungkin lebih benar kalau kita katakan manusia hari ini **BEREVOLUSI** menjadi **MONYET**. Mengapa saya katakan demikian ?

1. Berakalkan nafsu semata

Manusia yang sempurna dikurniakan akal yang waras untuk melakukan sesuatu sedangkan monyet bertindak hanya berdasarkan nafsu. Namun hari ini dunia semakin celaru dek manusia yang rakus bernafsu, bersultan dimata beraja dihati, akal tidak digunakan lagi. Melakukan sesuatu sesuka hati , halal haram tidak dipedulikan. Mendedahkan

aurat tanpa segan silu seperti sang monyet yang menutup tubuhnya hanyalah bulu- bulu. Melompat ke sana ke mari mengikut kehendak hati bukan akal fikiran yang menjadi panduan.

1. Tiada tujuan hidup

Cuba anda tanya pada monyet apakah tujuan hidup mereka? Gilal pasti itu jawapan terbaik yang anda berikan kepada saya atas soalan ini bukan? Iya sebab umum mengetahui monyet dan semua yang bernama binatang fokus hidup mereka hanya Makan, Seks, dan tidur. Begituulah kitaran hidup mereka sehingga mati. Namun kita manusia tidak begitu kita diberi taklif (tanggungjawab) untuk menuruti perintah Al – Quran dan Sunnah. Firman Allah S.W.T

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Adh Dhariyyat :56)

Justeru sekiranya kita hanya memberi fokus kepada 3 aspek seperti haiwan ini , yang hanya melibatkan kepuasan semata – semata apakah perbezaan kita antara manusia dan monyet. Sebagai manusia kita dibatasi dengan undang – undang Allah S.W.T. Sedangkan monyet tiada terhalang dengan pantang larang. Sepertimana yang sumpahan berlaku kepada kaum Bani Israil yang telah melanggar perintah pengharaman untuk menangkap ikan pada Hari Sabtu itu menerusi firman Allah :

Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".

Refleksi

Secara tuntas, sesungguhnya Teori Darwin yang sejak dahulu kekal dengan kontroversinya, kita sememangnya telah pun terbukti kesalahannya. Sesungguhnya nenek moyang kita bukanlah monyet yang berevolusi menjadi manusia, tetapi kita semua yang berevolusi menjadi monyet-monyet masa depan. Sekiranya kita terus terleka melaksanakan tugas sebagai khalifah dan menunaikan perintah sebagai hamba Allah.



Zulfetria Abdullah Jurufoto Rasmi Universiti

APLIKASI PINTAR RKU BANTU CEGAH JENAYAH

Dalam usaha mempertingkatkan aspek keselamatan di kawasan universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengoptimumkan penggunaan aplikasi pintar dalam talian yang berfungsi untuk menyalurkan maklumat berkaitan jenayah.

Pengarah Pejabat Keselamatan UTeM Affindi Abu Bakar berkata, aplikasi dikenali Rakan Keselamatan UTeM (RKU) yang telah mula digunakan sejak tahun 2014 itu merupakan cara paling efektif kepada warga UTeM untuk menyalurkan sebarang maklumat berkaitan keselamatan dengan cepat serta mudah.

Menurut beliau aplikasi RKU boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar pengguna melalui platform Google Play secara percuma dan amat mudah digunakan oleh warga UTeM yang terdiri daripada pelajar dan staf untuk melaporkan sebarang kejadian jenayah, kemalangan serta kes-kes kecemasan.

"Sebagai contoh, pengguna terlihat kenderaan diletakkan di kawasan larangan dan menghalang lalulintas, pengguna boleh melaporkan kepada pusat kawalan dengan menghantar laporan serta gambar dan tindakan segera akan diambil oleh Polis Bantuan UTeM," katanya.

Jelas beliau lagi, aplikasi RKU itu boleh mengenalpasti lokasi pengadu serta dilengkapi dengan fungsi kamera bagi merakamkan kejadian dan dihantar dengan pantas kepada Pusat Kawalan Keselamatan UTeM yang beroperasi 24 jam setiap hari.

Penghasilan aplikasi tersebut juga membolehkan anggota Polis Bantuan UTeM untuk bertindak dengan efisien dan cekap terutamanya yang melibatkan keselamatan pelajar.

"Saya yakin penggunaan aplikasi ini mampu meningkatkan tahap perkhidmatan Polis Bantuan UTeM dalam memastikan aspek keselamatan warga dan aset UTeM yang terdapat di Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandaraya, Kampus Teknologi Ayer Keroh serta kolej-kolej kediaman pelajar serta mewujudkan persekitaran kampus yang sejahtera, selamat serta bebas daripada ancaman jenayah" ujar beliau lagi.

Untuk rekod, aplikasi RKU turut mendapat pengiktirafan apabila berjaya memenangi pingat emas Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UTeM (UTeMEX) 2015 yang berlangsung baru-baru ini.



"Para penyelidik UTeM yang berminat untuk memaparkan artikel berkaitan penyelidikan dan inovasi boleh menghantarkan maklumat tersebut melalui emel kepada zulfatria@utem.edu.my atau numadhilah@utem.edu.my. Tertakluk kepada syarat dan peraturan."



TERUS KOMITED JUARAI TVET

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bertekad untuk memainkan peranan penting dalam memastikan agenda kerajaan mengarusperdanakan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat direalisasikan.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh universiti tersebut adalah menerusi penubuhan fakulti dan program teknologi kejuruteraan yang lebih mengkhusus kepada keperluan industri semasa.

Beliau berkata, UTeM yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 yang lalu juga akan terus komited dalam menawarkan kursus akademik yang berkualiti dan dilktraf bagi melahirkan graduan TVET berkualiti dalam memenuhi keperluan pasaran pekerja mahir negara menjelang 2025 nanti.

"Hasrat kerajaan untuk mewujudkan TVET telah bermula sejak 15 tahun yang lalu apabila hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa negara memerlukan tenaga kerja profesional yang berkemahiran tinggi terutamanya dalam bidang kejuruteraan teknologi bagi mencapai status negara maju berteraskan perindustrian yang mampan dan pengeluaran termaaju" ujar beliau ketika ditemui pada Kolokium Akademik Memperkasa Peranan Universiti Teknikal Di Peringkat Pendidikan Tinggi anjuran Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran (PPP) UTeM di Bandaraya Melaka.

"Maka, dari sinilah Idea penubuhan UTeM terdpta 15 tahun yang lalu bagi melahir dan membangunkan modal insan teknikal yang berkompentensi tinggi bagi menyumbang ke arah perindustrian termaaju negara" ujar beliau lagi.

Sementara itu dalam perkembangan yang sama, kolokium akademik yang diadakan itu telah berjaya menghimpunkan ahli akademik tersohor dan berpengalaman di negara ini seperti Penasihat Khas Pejabat Ketua Setiausaha KPT Kementerian Pendidikan Tinggi Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Saleh Jaafar, Pro Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Tan Sri Arshad Ayub, Timbalan Pengarah Akademik dan Teknologi Universiti Kuala Lumpur (Unikl) Prof. Datuk Dr. Azanam Shah Hashim dan Prof. Dr. Norazah Mohd Nordin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pengarah PPP UTeM Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan berkata, beliau yakin, menerusi kepakaran dan pengalaman hebat yang telah dikongsikan oleh ahli panel telah memberikan kesan yang amat positif dan bermakna kepada para peserta kolokium tersebut dalam menyokong usaha universiti itu membentuk dan membudayakan ekosistem akademik agar lebih segar dan dinamik.

Majlis perasmian kolokium itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains, Inovasi dan Teknologi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan telah dihadiri oleh 300 orang peserta dari institusi pengajian tinggi seluruh negara.



Karnival Bulan Bahasa UTeM angkat martabat BAHASA KEBANGSAAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan karnival Bulan Bahasa Kebangsaan peringkat universiti bersempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2015 baru-baru ini.

Penganjuran karnival selama lima hari itu mendapat sokongan dan kerjasama daripada Utusan Melayu (M) Berhad serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, karnival Bulan Bahasa Peringkat UTeM 2015 itu bertemakan *Sehati Sejiwa Satu Bahasa, 1 UTeM Kita Bersama* yang bertujuan untuk memupuk semangat cintakan bahasa kebangsaan dikalangan warga UTeM terutama kepada para pelajar yang berbilang bangsa sekaligus menghayati dan menghargai bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi di negara ini.

Jelas beliau, usaha UTeM dalam memartabatkan bahasa dan sastra kebangsaan ini akan berkembang sekiranya program-program kebahasaan yang dilaksanakan menggambarkan latar pelbagai kaum di negara ini sejajar dengan komponen rakyat Malaysia secara amnya dan UTeM secara khususnya yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, etnik, kepercayaan, agama, dan budaya.

"Saya yakin melalui usaha-usaha murni ini, semua warga UTeM dapat menghayati dan merasa tanggungjawab dalam mencintai dan memelihara bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di negara ini. Semangat cintakan bahasa dan perjuangan memperkasakannya di harap akan meresap ke seluruh jiwa kita, sekaligus dapat menyemai rasa cinta, rasa bangga, memiliki, dan setia kepada negara ini" ujar beliau lagi ketika ditemui media selepas majlis perasmian karnival tersebut di Kampus Induk Durian Tunggal.

Beliau berkata, pengisian karnival ini bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek penggunaan bahasa Melayu tetapi juga melibatkan pelbagai aktiviti yang turut memberi penekanan dalam aspek pemupukan bakat seni, kemahiran berkomunikasi dan berkarya, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, aktiviti-aktiviti yang dapat membina ketajaman intelek dan kebudayaan ilmu.

Antara pengisian karnival itu adalah seperti Forum Wacana Bahasa bersama Tokoh yang menampilkan ahli panel seperti Ketua Pengarah DBP Datuk Dr. Awang Sariyan dan pensyarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof. Teo Kok Seong.

Selain itu terdapat juga pelbagai aktiviti yang telah diadakan seperti pertandingan deklamasi sajak, pengucapan awam, pertandingan kembara bahasa berkumpulan, pertandingan pantun serta aktiviti persembahan khas dari Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) terpilih bagi kategori sekolah rendah dan menengah untuk mengadakan persembahan nazam, gurindam dan seloka.

Yang turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM Dr. Zawiah Mat, pegawai dan pelajar UTeM.



PROGRAM CEO FAKULTI CAPAI MATLAMAT

Penganjuran Program CEO Fakulti oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baru-baru ini dilihat telah berjaya mencapai matlamat bagi melahirkan graduan yang holistik dan seimbang.

Program tersebut yang menampilkan Pengarah Urusan Infineon Technologies (Malaysia) Sdn Bhd Lee Cheong Chee itu juga merupakan usaha terbaik bagi memperkukuhkan proses integrasi antara universiti dengan industri.

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UTeM Prof. Dr. Mohd Ridzuan Nordin berkata, Program Fakulti CEO itu merupakan inisiatif kerjasama universiti dengan pihak industri yang telah digariskan dibawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPMP) yang turut menekankan aspek kepimpinan.

"Program ini telah memberi peluang dan pendedahan kepada para pelajar UTeM berkongsi pengalaman bersama tokoh korporat seperti Cheong Chee yang berpengalaman luas dalam bidang industri" ujar beliau.

Jelas beliau lagi, Program Fakulti CEO merupakan program perkongsian pengalaman daripada tokoh-tokoh korporat bagi meningkatkan pendedahan para pelajar terhadap bidang yang diceburi sebelum mereka bergraduasi nanti.

Untuk rekod, kerjasama antara UTeM dengan syarikat peneraju semikonduktor terkemuka di dunia itu telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 melalui penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri (I-CoE) dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, latihan teknikal, penyelidikan, kebolehpasaran graduan dan perkongsian kepakaran.



UTeM iktiraf **AHLI AKADEMIK CEMERLANG**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan majlis Anugerah Akademik UTeM baru-baru ini bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlang ahli akademik di universiti tersebut sepanjang tahun 2014 yang lalu.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, penganjuran majlis itu merupakan tanda penghargaan kepada ahli akademik UTeM yang telah menjana kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan serta inovasi sekaligus mengharumkan nama universiti ini di persada global.

Menurut beliau lagi, UTeM sentiasa komited untuk terus menghargai sumbangan ahli akademiknya yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam aspek pengajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan yang merupakan pemangkin ke arah menjadikan UTeM sebagai sebuah institusi pengajian teknikal yang cemerlang dan terbilang.

Antara penerima-penerima anugerah adalah Ahmad Shaarizan Ahmad Shaarani dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) bagi Anugerah Pengajaran dan Dr. Abdul Rahim Abdullah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) meraih Anugerah Penyelidikan.

Prof. Madya Dr. Sivaro Subramonian dari Pusat Pengkomersilan pula meraih Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk manakala Prof. Madya Dr. Zahriladha Zakaria dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) meraih Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal. Anugerah Kualiti Makalah Jurnal pula diraih oleh Dr. Mohd Shukor Salleh.

Manakala kumpulan *Made By UTeM* yang diketuai oleh Dr. Lim Kim Chuan dari FKEKK berjaya memenangi Anugerah Khas Kumpulan. Bagi kategori Anugerah Akademik Harapan menyaksikan pensyarah FKE Ir. Anuar Mohamed Kassim telah dinobatkan sebagai pemenang. Kesemua penerima anugerah menerima wang tunai RM5,000.00 berserta sijil dan trofi.

Majlis penyampalan hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Pro Canselor UTeM Datuk Wira Ismail Saleh dalam majlis yang diadakan di sebuah hotel di Bandar Hillir kelmarin.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Naim Abu Bakar yang merupakan ahli lembaga pengarah universiti, Senator Zali Mat Yassin, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor serta staf akademik universiti.



FTK JUARA SAF TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mempamerkan kehebatan apabila muncul juara keseluruhan Sukan Antara Fakulti (SAF) kali ketiga berturut-turut yang telah berlangsung baru-baru ini.

Dalam kejohanan itu, FTK berjaya meraih lapan pingat emas, tujuh pingat perak dan lima pingat gangsa mengatasi pencabar terdekat Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang turut mengumpul lapan pingat emas, tiga pingat perak dan tiga pingat gangsa untuk menduduki tangga kedua keseluruhan.

Tempat ketiga pula diraih Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) yang telah merangkul tiga pingat emas dan tiga pingat gangsa.

Dekan FTK Prof. Madya Rahimi Yusof ketika ditemui melahirkan rasa bangga diatas pencapaian FTK yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi sehingga berjaya mengekalkan kemenangan FTK untuk tahun ketiga berturut-turut semenjak tahun 2013.

"Tahniah dan syabas kepada para pelajar FTK yang telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan kecemerlangan dalam bidang sukan sehingga berjaya merangkul gelaran ini" ujar beliau.

Beliau berkata, pencapaian itu membuktikan kehebatan pelajar fakulti itu yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah mampu mempamerkan kehebatan dalam bidang sukan.

SAF kali ke 10 itu diadakan bagi mengenalpasti siswa siswi yang berbakat dan berpotensi dalam pelbagai acara sukan bagi mewakili UTeM dalam pelbagai pertandingan yang diadakan di peringkat kebangsaan, negeri mahupun anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Sebanyak 25 acara sukan telah dipertandingkan termasuk ragbi, bolasepak, bola keranjang, bowling, sepak takraw, hoki, bola baling, futsal, pingpong, bola jaring, lumba basikal, tenis, tarik tali, softball dan catur yang membabitkan penyertaan seramai 600 orang atlet dan pegawai.

Antara fakulti yang turut mengambil bahagian ialah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik

dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah berlangsung di Pusat Sukan Kampus Induk Durian Tunggal disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib yang turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Dekan-Dekan fakulti, pegawai kanan universiti, Majlis Perwakilan Pelajar UTeM dan para pelajar.



UPCOMING EVENTS



UTeM
اوپوزیسی تکنیکل ملیسا مالاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**PERUTUSAN
NAIB CANSOLOR 2016**
"Mentransformasi Bakat, Melonjak Kejayaan"

27 JANUARI 2016 | 17 RABIUL AKHIR 1437 H
8.30 PAGI | DEWAN BESAR UTeM

SOARING UPWARDS UTeM

UTeM
اوپوزیسی تکنیکل ملیسا مالاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

MERD'16
MECHANICAL ENGINEERING RESEARCH DAY 2016
IDEA • INSPIRE • INNOVATE

31 March 2016 | Kampus Teknologi, UTeM
<http://merd16.utem.edu.my>

Jointly organized by:
Faculty of Mechanical Engineering
Centre for Advanced Research on Energy

ICEI 2016

**THE 4TH INTERNATIONAL CONFERENCE
ON ENGINEERING AND ICT (ICEI 2016)**
4TH - 6TH APRIL 2016 HATTEN HOTEL MELAKA, MALAYSIA

organised by:
UTeM
اوپوزیسی تکنیکل ملیسا مالاک
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

"Pioneering Future Innovation
Through Green Technology"



**MEDIA
SOSIAL
UTeM**

 MyUTeM
 UTeM_my
 utem_moments

scan this!



www.utem.edu.my